

Nama : \_\_\_\_\_

Tingkatan : \_\_\_\_\_



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TINGGI PORT DICKSON

PENDIDIKAN MORAL  
TINGKATAN 2

**BAHAGIAN A : 20 markah**

**Arahan :** Bahagian ini mengandungi 20 soalan. Jawab semua soalan

1. Siapakah ketua tertinggi bagi Negara kita?
  - A. Perdana Menteri
  - B. Sultan
  - C. Menteri Besar
  - D. Yang Di-Pertuan Agong
2. Ranjit berjalan-jalan semasa lagu Negaraku sedang dimainkan. Apakah tindakan anda?
  - A. Berdiam diri dan terus menyanyikan lagu Negaraku.
  - B. Mengikut perlakuan Ranjit.
  - C. Menegur perbuatan Ranjit.
  - D. Memarahi Ranjit dengan suara yang kuat.
3. 

**Kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian kepada Negara.**

Apakah nilai yang memberikan definisi seperti di atas?

  - A. Cinta akan Negara
  - B. Sanggup berkorban untuk Negara
  - C. Taat setia kepada raja dan Negara
  - D. Berbakti kepada Negara
4. Apakah faedah menjadi anggota sukarelawan?
  - I. Mendapat gaji dan imbuhan yang lumayan
  - II. Dapat mempelajari sesuatu yang baru
  - III. Berasa gembira kerana berpeluang berbakti kepada masyarakat
  - IV. Masa diisi dengan perkara berfaedah

A. I dan IV      C. II, III dan IV  
B. II dan IV     D. I,II, dan III
5. Sukarelawan adalah ...
  - A. Orang yang membuat aktiviti di waktu lapang
  - B. Orang yang membantu orang lain untuk mendapatkan pujian
  - C. Orang yang membantu golongan yang disukainya sahaja
  - D. Orang yang membantu orang lain dengan ikhlas dan rela
6. Berikut adalah contoh kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan demi kesejahteraan rakyat kecuali
  - A. Pusat membeli belah
  - B. Telefon awam
  - C. Tempat menunggu bas
  - D. Tandas awam

7. Mengapakah kita perlu menjaga kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan?
  - A. Agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang
  - B. Menjimatkan duit
  - C. Kemudahan tersebut tiada galang gantinya
  - D. Untuk mengelakkan dari didenda oleh pihak berkuasa
  
8. Berikut adalah bidang Yang Di-Pertuan Agong kecuali
  - A. Memelihara adat istiadat orang Melayu
  - B. Menjalankan tugas mengikut kepentingan dan pendapat diri sendiri.
  - C. Ketua agama Islam bagi negeri Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah-wilayah Persekutuan selain negeri baginda sendiri.
  - D. Menjadi Ketua Negeru dan menjalankan tugas mengikut nasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri

**Soalan 9 dan 10** berdasarkan pernyataan di bawah

Rakyat Malaysia perlulah menyokong kempen-kempen yang telah dilancarkan oleh kerajaan seperti “Belilah Barangan Buatan Malaysia”.

9. Pernyataan di atas menekankan nilai
  - A. Sanggup berkorban untuk Negara
  - B. Taat setia kepada raja dan Negara
  - C. Berbakti kepada Negara
  - D. Cinta akan Negara
  
10. Apakah kebaikan menyokong pernyataan di atas?
  - A. Ekonomi Negara luar meningkat
  - B. Pelabur asing enggan melabur di Malaysia
  - C. Meningkatkan kadar inflasi
  - D. Mengurangkan kadar penukaran wang asing

Nyatakan nilai bagi pernyataan di bawah.

**X**      Cinta akan Negara  
**Y**      Taat setia kepada raja dan Negara  
**Z**      Sanggup berkorban untuk Negara

11. Danny menceritakan tentang Malaysia kepada sahabat penanya yang berada di Jepun kerana dia sangat berbangga menjadi rakyat Malaysia. ( )
  
12. Zahid sentiasa mengingati jasa-jasa dan sumbangan yang telah ditaburkan oleh tokoh-tokoh Negara. ( )
  
13. Pelajar Sekolah Menengah Tinggi Port Dickson mengadakan perarakan sempena Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke 54. ( )
  
14. Jenna sering menggunakan kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan untuk kebaikan bersama. ( )
  
15. Shasudin bercita-cita untuk menjadi polis untuk mempertahankan Negara pada suatu hari nanti. ( )

Tandakan ( M ) bagi situasi yang mengandungi nilai murni dan ( TM ) bagi situasi yang tidak mengandungi nilai murni.

16. Kok Ming dan Niko bermain-main semasa bacaan ikrar di tapak perhimpunan. ( )
17. Jimmy menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak sempena Hari Keputeraan Yang Di-Pertuan Agong. ( )
18. Deeva menganggap siswazah tempatan tidak mempunyai kualiti yang setaraf dengan siswazah dari luar Negara. ( )
19. Aimie sering menceritakan keburukan Malaysia di ruangan sosial miliknya seperti Facebook dan blog. ( )
20. Uncle Lim menggantung gambar-gambar pejuang tanah air yang memperjuangkan kemerdekaan Malaysia. ( )

**BAHAGIAN B : 20 markah**

**Arahan :** Bahagian ini mengandungi 2 soalan. Jawab semua soalan yang diberikan.

1. Berkorban apa sahaja, harta atau nyawa

(a) Nyatakan nilai yang berkaitan dengan pernyataan di atas. Berikan definisi bagi nilai tersebut.

---

---

---

(3 markah)

(b) Apakah tiga ciri orang yang mengamalkan nilai di atas?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

(3 markah)

(c) Apakah dua kesan jika rakyat bersikap penakut dan mementingkan diri sendiri.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

(4 markah)

2. Hari pahlawan disambut bagi mengharai pengorbanan dan jasa pahlawan yang berjuang mempertahankan Negara dari ancaman musuh.

(a) Apakah dua nilai yang diamalkan oleh pahlawan dalam mempertahankan Negara? Jelaskan.

- i. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(4 markah)

(b) Nyatakan dua cara menghargai pengorbanan dan jasa mereka.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

(4 markah)

(c) Apakah satu langkah yang perlu dilakukan oleh kerajaan supaya Hari Pahlawan tidak dilupakan oleh rakyat Malaysia?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(2 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

<b>Disediakan oleh</b>	<b>Disemak oleh</b>
CIK NORWAHIDAH BT MOHD NASIR  ..... (Guru Mata Pelajaran Pendidikan Moral)	PN. HAFISAH BT SAAD  ..... (Ketua Panitia Pendidikan Moral)